



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JB/2/2023

Tajuk Sebut Harga :

CADANGAN KERJA-KERJA PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MONUMEN FASA 1 DI DATARAN PAHLAWAN NEGARA, PRESINT 1 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor / Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), untuk Gred G3, Kategori : CE – Pengkhususan CE24 (Struktur Kejuruteraan Awam) atau kategori CE26 dan Kategori : B – Pengkhususan B03 (Pemuliharaan dan Pemeliharaan) untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Kontraktor/Syarikat Bumiputera adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan pada **16 JANUARI 2023 (ISNIN)**, jam 10.00 pagi di **Bilik Mesyuarat Cemara (C5)**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Cap Syarikat.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **16 JANUARI 2023 (ISNIN)** hingga **19 JANUARI 2023 (KHAMIS)** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **25 JANUARI 2023 (RABU)**.
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)

NAIB PRESIDEN
Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya